

マレー語

Panduan Bagi Penduduk Warga Asing

Tidak terlibat dalam
jenayah di Jepun,
demi kehidupan yang
selamat dan terjamin.



Metropolitan Tokyo



Polis Metropolitan Tokyo



Biro Imigresen Metropolis Tokyo

Isi Kandungan

Pengenalan

P1

Peraturan dan Adab di Jepun

P2 ~ P5

Undang-undang Jepun yang perlu diambil perhatian

P6 ~ P10

Perkara yang perlu diambil perhatian semasa menunggang basikal

P11 ~ P13

Langkah berjaga-jaga untuk kerja sambilan

P14 ~ P17

Mengenai Kad Residen

P18 ~ P20

Kewajipan melapor diri bagi pemastautin jangka masa sederhana dan panjang

P21 ~ P24

Nombor telefon apabila menghadapi masalah

P25

Kepada warga asing yang menetap di Tokyo

Ramai warga asing menetap di Tokyo.

Walau bagaimanapun, ada warga asing yang mempunyai masalah dengan orang Jepun disebabkan oleh perbezaan bahasa, budaya dan gaya hidup.

Tambahan pula, ada segelintir orang yang tidak tahu tentang undang-undang Jepun, dan dengan mengingot hal-hal yang salah, mereka tidak perasan dan melanggar undang-undang.

Di Metropolitan Tokyo, kami menyediakan manual ini untuk membantu warga asing memahami peraturan, tatasusila dan undang-undang Jepun dan membawa ke arah hidup yang selamat dan terjamin.



Aturan dan etiket di Jepang

◆ Buang sampah ke dalam tong sampah.



Jangan membuang sampah merata-rata tempat

◆ Sila patuhi peraturan pembuangan sampah.



Sila patuhi **jadual**, **tempat** dan **pengasingan sampah** apabila membuang sampah.



Dilarang membuang sampah bersaiz besar secara haram!

Sila ikut cara pembuangan sampah bersaiz besar yang ditetapkan oleh majlis perbandaran tempat tinggal apabila ingin membuang sampah bersaiz besar.

◆ Mematuhi peraturan dalam perjanjian sewa



Tanpa kebenaran tuan rumah, **tambah rakan serumah, sewa kepada orang lain, mengubahsuai bilik, memelihara haiwan** adalah dilarang!

Gagal untuk mematuhi terma-terma persetujuan akan menyebabkan kepada tindakan pengusiran.

◆ Dilarang meletak barangan di koridor atau tangga pangsapuri atau kondominium.



Orang lain juga menggunakan koridor dan tangga di luar bilik. Jika ada objek yang anda tidak dapat hindari ketika berlaku kebakaran dan gempa bumi.

- ◆ **Dilarang membuat bising atau dengar muzik dengan kuat di dalam bilik atau koridor.**



Nada suara yang tinggi dan bunyi yang kuat akan mengganggu orang di sekeliling.

Jika anda membuat bising, anda mungkin akan dilaporkan kepada polis dan mendapat perhatian pihak polis.

- ◆ **Jangan berbual atau bercakap di telefon bimbit dengan suara yang kuat di dalam tren dan bas.**




Suara bercakap di telefon dan suara yang kuat boleh mengganggu orang di dalam tren dan bas.

Jika anda bising, anda mungkin akan mendapat masalah.


Ikut peraturan-peraturan dan adab di mana orang tinggal dan di mana ada ramai orang.

◆ Mereka yang berusia 20 tahun ke atas boleh minum alkohol dan merokok.



Di Jepun, orang di bawah usia 20 tahun (merek yang belum berusia 20 tahun) tidak dibenarkan untuk minum alkohol atau merokok.

◆ Sila merokok di kawasan merokok.



Dilarang merokok ketika berjalan atau di luar kawasan merokok. Sebagai tambahan, anda dilarang membuang putung rokok di jalan raya.

Pada asasnya, merokok adalah dilarang di dalam bangunan berbumbung (indoor) sesuai dengan peraturan Metropolitan Tokyo.

Undang-undang Jepun yang perlu diambil perhatian.

- ◆ Dilarang pinjam meminjam tiket tren bulanan dan kad insurans.



Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan tiket komuter, kad insurans kesihatan, kad nombor individu kepunyaan orang lain. Anda juga tidak dibenarkan untuk meminjamkan tiket komuter, kad insurans kesihatan, kad nombor individu kepunyaan anda. Ini adalah melanggar peraturan dan anda akan dihukum.

- ◆ Sila serahkan barangan yang terkutip kepada pondok polis



Anda tidak boleh menjadikan dompet, wang atau kad yang dijumpai sebagai hak anda. Ini adalah melanggar peraturan dan anda akan dihukum.

Jika anda hilang sesuatu, hantar laporan barang hilang. Barang yang hilang akan dapat semula apabila ia dijumpai.

◆ “Mencuri” adalah satu jenayah



“Mencuri” iaitu perbuatan mengambil pulang barangan dari kedai tanpa membuat bayaran.

Memberi bantuan untuk mencuri, mengangkat, mengawasi atau melarikan diri juga semuanya adalah perbuatan jenayah.

Kedai-kedai di Jepun mempunyai kamera keselamatan dan pengawal keselamatan sentiasa membuat rondaan di sekitarnya.

Anda dilarang mencuri sama sekali.

◆ Jangan menunggang basikal orang lain yang terletak di situ.



Dilarang mengambil basikal di stesen atau di jalan raya. Ini adalah melanggar peraturan dan anda akan dihukum.

◆ Jangan mencuri sayur-sayuran, buah-buahan atau ternakan dari ladang orang lain.

◆ Menangkap ikan atau kerang di sungai atau laut tanpa kebenaran adalah dilarang.

◆ Jangan bawa barangan yang berbahaya.



Pisau dan penyembur serbuk lada.

Membawa barangan yang berbahaya seperti pisau tanpa alasan yang sah akan dikenakan tindakan keras!

Ini adalah melanggar peraturan dan anda akan dihukum.

Berikut bukanlah alasan untuk membawa barang-barang berbahaya.

- Anda memilikinya untuk melindungi diri sendiri
- Memikirkan bahawa ia berguna jika anda mempunyainya
- Memikirkan bahawa ia bergaya
- Ia digunakan untuk urusan kerja atau perkhemahan dan menyusahkan untuk menyimpannya jadi ia ditinggalkan di dalam beg.

◆ Memiliki dan menggunakan dadah terlarang adalah satu jenayah.



Di Jepun, berikut adalah dadah-dadah yang tidak boleh dimiliki atau digunakan

- Perangsang
- Ganja (marijuana)
- Kokain
- Heroin
- MDMA
- Dadah-dadah merbahaya, dsb.

Walaupun penggunaan hanya sekali ia adalah jenayah.

Jangan sesekali memiliki atau menggunakannya.

Membawa ia ke Jepun juga adalah satu jenayah.

◆ Berikutnya adalah perbuatan jenayah!
Sila ambil perhatian tentang kerja sambilan
yang dikenakan yuran pendaftaran.


- Jual / serahkan telefon bimbit, kad ATM, buku bank kepada orang lain.



- Mendaftar telefon bimbit atau akaun bank untuk orang lain.




- Gunakan kad kredit orang lain untuk membeli barangan melalui internet.



- Mengeluarkan wang dengan kad ATM orang lain.




- Menerima bungkusan atas nama orang lain. Serahkan kepada klien, atau hantar ke tempat yang ditentukan.



Menerima bungkusan yang atas nama orang lain.

Hantar ke tempat yang ditentukan.

- Menerima sampul surat atau bagasi dari orang lain, tanpa mengetahui apa yang ada di dalamnya, dan memberikan kepada orang yang memintanya.




Berhati – hati!

Perkara-perkara tersebut sebenarnya ada organisasi jenayah yang tersembunyi di belakangnya. Walaupun tanpa kesedaran diri, mungkin akan menyebabkan anda terpaksa bertanggungjawab terhadap kes jenayah. Jangan terlibat semata-matanya untuk mendapatkan peruntungan dengan mudah.



Perkara yang perlu diambil perhatian semasa menunggang basikal.

- ◆ Apabila membeli atau mendapat basikal, sila buat pendaftaran pencegahan jenayah.



Apabila membeli basikal:



Pendaftaran baru diperlukan

Apabila mendapat basikal:



Penukaran nama diperlukan

Anda boleh memohon untuk pendaftaran pencegahan jenayah di penjual basikal dan sebagainya. di mana ada tanda "Pendaftaran Pencegahan Jenayah Basikal" dipamerkan. Untuk menukar nama pendaftaran pencegahan jenayah, anda memerlukan bayaran, kad residen dan kad sekuriti basikal (jika ada).

- ◆ Sila letakkan basikal di tempat letak basikal.



Jika basikal tidak diletak di tempat yang sepatutnya, dan diletak di hadapan stesen dan tempat-tempat lain sesuka hati akan dirampas!

Jika ingin mengambil balik basikal yang dirampas, perlu membuat bayaran tertentu.

◆ Di Jepun, basikal juga kena mengikut undang-undang yang sama dengan kereta!

Lima peraturan untuk menunggang basikal dengan selamat

- 1 Basikal secara dasarnya kena menggunakan jalan raya, manakala laluan pejalan kaki adalah secara pengecualian.



Bagaimanapun, berikut adalah pengecualian yang dibenarkan untuk mengguna laluan pejalan kaki.

- Apabila ada papan tanda di laluan pejalan kaki yang menyatakan "Basikal biasa dibenarkan untuk laluan pejalan kaki"
- Penunggang basikal adalah kanak-kanak dibawah umur 13 tahun, warga emas berumur 70 tahun dan ke atas atau orang kelainan upaya
- Kawasan pembinaan jalan raya yang menyebabkan laluan sebelah kiri sukar untuk dilalui



- 2 Sila ikut sebelah kiri jalan raya.



Apabila melintasi jalanraya dengan menunggang basikal, ia adalah lalu lintas sebelah kiri yang sama dengan kereta. Lalu lintas sebelah kanan adalah dilarang.

- 3 Pejalan kaki diutamakan di laluan pejalan kaki, menunggang dengan perlahan ke bahagian jalan raya.



Apabila menunggang basikal di laluan pejalan kaki, pastikan berada pada kelajuan yang membolehkan anda berhenti dengan kadar segera berhampiran jalan masuk. Jika anda menghalang laluan pejalan kaki, pastikan untuk berhenti seketika.

- 4 Sila mematuhi peraturan keselamatan



Menunggang ketika mabuk adalah dilarang



Menunggang berdua adalah dilarang



Menunggang bersebelahan adalah dilarang



Menunggang basikal dengan berpayung adalah dilarang.



Gunakan lampu pada waktu malam



Sila patuhi lampu isyarat, berhenti dan memastikan keselamatan di simpang jalan.

- 5 Pakai topi keledar

Di Tokyo penunggang basikal dinasihatkan supaya memakai topi keledar.



◆ Sekiranya anda ingin menggunakan basikal di Tokyo, anda perlu mempunyai insurans pihak ketiga.

Langkah berjaga-jaga untuk kerja sambilan


- ◆ Apabila membuat kerja sambilan, dapatkan permit untuk menjalankan aktiviti di luar kelayakan terlebih dahulu.



Warga negara asing adalah dibenarkan untuk bekerja di Jepun dalam had status pemastautinan mereka seperti yang ditakrifkan oleh Akta Kawalan Imigresen dan Pengiktirafan Pelarian.

Bagi kes-kes berikut, sila dapatkan permit aktiviti tidak layak terlebih dahulu.

- Seseorang yang tidak dibenarkan bekerja di Jepun, contohnya "Pelajar" atau orang yang mempunyai status pemastautin "Bekeluarga", melakukan kerja sambilan
- Mereka yang dibenarkan bekerja di Jepun, contohnya status pemastautin "Teknologi, Pengetahuan Kemanusiaan, khidmat Antarabangsa", melakukan kerja sambilan sebagai tambahan kepada aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di dalam status pemastautin



Berhati – hati!

Ada batas masa untuk permit aktiviti tidak layak. Anda tidak boleh melakukan kerja sambilan diluar kelayakan tanpa menerima kebenaran atau kerja sambilan tanpa mematuhi batasan. Ini melanggar undang-undang dan anda mungkin dihukum atau diusir!



Jangan!

- ◆ Apabila membuat kerja sambilan dengan mempunyai permit untuk menjalankan aktiviti di luar kelayakan, jangan kerja melebihi 28 jam dalam seminggu.

28 jam



+

20 jam



=

48jam



Tidak melebihi 28 jam!

Walaupun kerja di dua tempat yang berlainan atau lebih, jumlah masa tidak boleh melebihi 28 jam dalam seminggu.

Pemegang "Visa Pelajar" dibenarkan untuk bekerja 8 jam sehari (tidak melebihi 40 jam seminggu) pada masa cuti panjang sekolah (musim panas, musim sejuk)

- ◆ Apabila membuat kerja sambilan dengan mempunyai permit untuk menjalankan aktiviti di luar kelayakan, jangan bekerja di pusat hiburan.



Tidak dibenarkan kerja sambilan di tempat berikut:

- Bar snek, Kelab kabaret, Pub, Bar pelayan wanita, Kelab pelayan lelaki dan sebagainya dimana pelanggan dilayan dan ditawarkan makanan dan minuman
- Pusat Game
- Kedai Mahjong
- Kedai Pachinko
- Hotel Cinta
- Kelab telefon
- Kafe pertemuan pasangan
- Kedai barangan dewasa
- Kedai video dewasa
- Kedai video bilik persendirian
- Pelacuran panggilan

Di tempat-tempat seperti itu, anda tidak dibenarkan bekerja walaupun sebagai penjaga bangunan, tukang cuci, pelayan restoran, kakitangan dewan, dan sebagainya.

- ◆ Apabila membuat kerja sambilan dengan mempunyai permit untuk menjalankan aktiviti diluar kelayakan, sila ambil perhatian tentang kedai serupa pusat hiburan.



Anda tidak patut bekerja di rumat urut yang menyediakan perkhidmatan seks atau di restoran yang memerlukan anda untuk duduk di sebelah pelanggan dan berbual-bual atau minum. Malah jika orang di dalam premis berkenaan mengatakan ia adalah okay, anda tidak seharusnya percaya.

Walaupun anda sendiri tidak tahu anda bekerja dalam hiburan dewasa, anda tetap dihukum atau diusir.

- ◆ Dilarang membuat kerja sambilan selepas berhenti sekolah.



Selepas pelajar antarabangsa meninggalkan sekolah disebabkan menarik diri atau dibuang dari sekolah, dia tidak boleh bekerja sambilan. Meskipun tempoh status pemastautin dan Permit Aktiviti Tidak Layak masih sah, bekerja secara sambilan masih tidak dibenarkan.

Jika anda bekerja sambilan selepas meninggalkan sekolah, anda mungkin dihukum atau dipaksa keluar dari negara Jepun.

◆ Sila ambil perhatian tentang kerja sambilan yang mengenakan yuran pendaftaran.



Ada jenayah yang memperkenalkan kerja sambilan kepada warga asing dengan berbohong dan menipu wang sebagai yuran pendaftaran.

Berhati-hati dengan mereka yang meminta wang, seperti yuran pendaftaran atau yuran rujukan.

◆ Jangan menawarkan rumah anda sebagai tempat penginapan berbayar tanpa kebenaran.



Untuk menerima duit dan membenarkan pelancong tinggal di rumah, adalah perlu untuk mendapatkan kebenaran dari pusat kesihatan, dsb, atau pun melaporkan kepada pihak kerajaan wilayah atau pun pihak majlis perbandaran.

Jika anda menguruskan kemudahan penginapan tanpa kebenaran, anda akan dihukum.

Kad Residen Anda

- ◆ Sentiasa bawa kad residen bersama anda apabila keluar rumah.



Kad residen dikeluarkan untuk warga asing yang tinggal lama di negara Jepun.

Anda mesti mempunyai kad residen.

Tidak mempunyai kad residen adalah melanggar undang-undang dan anda mungkin akan didenda.

Anda mesti mempunyai kad residen, walaupun anda sudah mempunyai kad pengenalan yang lain, seperti pasport atau kad insuran kesihatan.

Mereka yang layak untuk kad residen (“Pemastautin Jangka Masa Sederhana dan Panjang”) adalah mereka yang tidak termasuk dalam mana-mana nombor ① hingga ⑥ yang berikut.

- ① Orang yang ditentukan tempoh tinggal sepanjang “3 bulan dan ke bawah”
- ② Orang yang ditentukan tempoh tinggal sepanjang “Jangka masa pendek”
- ③ Orang yang ditetapkan status “Diplomasi” atau “Pengurusan rasmi”
- ④ Pegawai-pegawai Pejabat Persatuan Perhubungan Jepun Taiwan di negara Jepun (seperti Pejabat Ekonomi dan Perwakilan Kebudayaan Taipei, dsb), atau Jabatan Umum Palestin di negara Jepun atau pun ahli keluarga mereka.
- ⑤ Pemastautin tetap khas
- ⑥ Mereka yang tidak mempunyai status pemastautin


◆ Sila pameran apabila anda diminta oleh pihak polis atau pegawai awam dari Agensi Perkhidmatan Imigresen untuk menunjukkan Kad Residen anda.



Warga asing diwajibkan untuk mempamerkan kad residen mereka apabila diminta pegawai polis dsb. meminta untuk mempamerkan kad residen mereka.

Anda akan dihukum jika anda tidak mempamerkan kad residen sebagai tindak balas kepada permintaan seorang pegawai polis.

◆ Kad residen mempunyai tempoh sah.



- **Status pemastautin “Pemastautin Tetap” / “Profesional Berkemahiran Tinggi Tahap 2”**
 Berusia lebih dari 16 tahun: 7 tahun lebih tua dari tarikh pemberian.
 Berusia kurang dari 16 tahun: sehingga ulang tahun kelahiran ke 16
- **Residen selain “Profesional Berkemahiran Tinggi Tahap 2”**
 Berusia lebih dari 16 tahun: Sehingga tarikh tamat tempoh tinggal anda
 Di bawah umur 16 tahun (sehingga tarikh tamat tempoh tinggal anda atau kelahiran ke 16), yang mana datang dahulu

- ◆ Jika anda hilang Kad Residen, segera memohon di Agensi Perkhidmatan Imigresen untuk dikeluarkan kembali.



Untuk memohon dikeluarkan kembali, anda perlu mengemukakan bukti kehilangan (laporan kehilangan, laporan kecurian, laporan bencana alam, dsb), pasport dan gambar. Tanya imigresen tempatan dan pejabat imigresen terlebih dahulu.

Jika anda tidak memohon dalam masa 14 hari, anda mungkin dihukum.

- ◆ Jangan meminjamkan atau menyerahkan Kad Residen.



Jangan meminjamkan!
Jangan menyerahkan!

Jangan memberi pinjam atau serahkan kad residen anda jika anda tahu akan disalahgunakan.

Walaupun kad residen anda telah tamat tempoh, jangan beri pinjam. Ini adalah pelanggaran undang-undang dan anda boleh dihukum atau diusir.

Berhati-hati dengan pemalsuan atau pengubahsuaian Kad Residen!

Warga asing yang mempunyai kad residen palsu atau diubahsuaikan dengan tujuan penggunaan boleh dihukum atau diusir walaupun mereka mempunyai status pemastautin!



Jangan!

Kewajipan Melapor Diri bagi Pemastautin Jangka masa Sederhana dan Panjang.

- ◆ Pemastautin jangka masa sederhana dan panjang adalah dikehendaki melaporkan kepada majlis perbandaran mereka dan Agensi Perkhidmatan Imigresen beralamat di Jepun dan organisasi mana yang mereka tergolong (syarikat, kedai, sekolah dsb).



Pemastautin jangka masa sederhana dan panjang mesti menghantar pemberitahuan seperti mana yang diminta oleh Akta Kawalan Imigresen dan Pengesahan Pelarian.

- Lokasi Alamat • Nama, tarikh lahir, warganegara / wilayah, jantina
- Organisasi bergabung (aktiviti organisasi, kontrak organisasi) ※
- Bercerai dengan pasangan, kematian pasangan ※

※ Pemberitahuan mengenai institusi gabungan dan pasangan adalah ditentukan oleh orang yang ditetapkan.

Kegagalan untuk memenuhi kewajipan pemberitahuan atau memfailkan pembohongan palsu mungkin mengakibatkan hukuman atau status residen dibatalkan.

Jika anda tidak memenuhi kewajipan pemberitahuan,

- Permohonan untk menukar status pemastautin
- Permohonan untuk memperbaharui tempoh tinggal
- Apabila memohon

permit pemastautin tetap, anda mungkin boleh dinilai secara negatif atau mungkin dihukum.

- ◆ Selepas memasuki negara Jepun, jika anda bercadang untuk tinggal atau menukar tempat tinggal, pastikan untuk memberitahu majlis perbandaran tentang alamat baru.



Alamat
sudah
diputuskan



Alamat
berubah

Kad residen diperlukan untuk menyerahkan alamat baru kepada majlis perbandaran.

- ◆ Jika anda berkahwin atau pun dalam kes yang lain berlaku perubahan pada nama anda, tarikh lahir, kewarganegaraan atau jantina, beritahu Biro Imigresen dengan segera.




Ubah
nama,
warganegara, dsb

Apabila menghantar pemberitahuan kepada Agensi Perkhidmatan Imigresen, anda akan perlukan pasport, gambar, kad residen, dan benda-benda lain untuk membuktikan nama sudah berubah.

◆ Jika anda berhenti sekolah, atau bertukar syarikat, beritahu Agensi Perkhidmatan Imigresen dengan segera.



Berhenti sekolah,
Pengijazahan,
Meneruskan
pelajaran,
Kemasukan
sekolah.



Persaraan,
Penukaran
kerja.

Status Residen yang mempunyai kewajipan melaporkan.

Profesor, Profesion yang bertaraf tinggi, Pengurusan, Pentadbiran, Undang-undang, Perkhidmatan perakaunan, Perubatan, Pendidikan, Pemindahan dalam syarikat, Latihan kemahiran, Belajar di luar negara, Latihan, Penyelidikan, Teknologi, Kemanusiaan, Perkhidmatan antarabangsa, Prestasi, Kemahiran, Penjagaan Kejururawatan, Buruh mahir yang dinyatakan

Berikut adalah sebab-sebab yang perlu untuk pemberitahuan.

- **Penukaran nama, Penukaran atau penghapusan lokasi institusi** seperti sekolah, tempat majikan dan sebagainya.
- **Berhenti atau penukaran dari organisasi** seperti sekolah dan syarikat tempat anda berada
- **Penamatan kontrak dengan organisasi** yang telah dikontrak seperti syarikat, perjanjian kontrak baharu

Kegagalan untuk memenuhi syarat-syarat pemberitahuan atau memfailkan pembohongan akan menyebabkan hukuman.

- ◆ Jika anda adalah pemastautin dengan status pemastautin seperti “Keluarga Tinggal”, “Pasangan” dsb orang Jepun”, atau “Pasangan pemastautin tetap dsb”, sila beritahu Agensi Perkhidmatan Imigresen dengan segera jika bercerai atau menjadi balu.



**Bercerai,
kematian
pasangan**

Hanya pasangan yang mempunyai status residen berhak untuk melaporkan. Orang lain adalah tidak berhak. Jika anda bercerai atau pasangan anda meninggal dunia, anda hendaklah menghantar laporan kepada Agensi Perkhidmatan Imigresen dan juga majlis perbandaran (surat perceraian dan kematian pasangan).

Kegagalan untuk memenuhi pemberitahuan kewajiban atau pemberitahuan palsu akan menyebabkan hukuman.

- ◆ Pemberitahuan seperti perubahan kepada organisasi di mana anda berada, dan perceraian atau kematian pasangan boleh dilakukan melalui Internet.

Sila cari di sini.

Sistem pemberitahuan elektronik
Agensi Perkhidmatan Imigresen

Cari



https://www.moj.go.jp/isa/publications/materials/i-ens_index.html

Nombor telefon Apabila Menghadapi Masalah

◆ Semasa Kecemasan

Semasa insiden / kemalangan

Telefon 110



Semasa kebakaran / sakit / cedera

Telefon 119



◆ Rundingan status residen.

Pusat maklumat keseluruhan orang asing

Telefon 0570-013904

(Hari biasa 08:30 - 17:15)



Melayan anda dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Korea, Bahasa Sepanyol, Bahasa Portugal, Bahasa Vietnam, Bahasa Filipina, Bahasa Nepal, Bahasa Indonesia, Bahasa Thai, Bahasa Khmer (Kemboja), Bahasa Myanmar, Bahasa Mongolia, Bahasa Perancis, Bahasa Singhalese, Bahasa Urdu !

◆ Rundingan mengenai residensi bagi orang asing

Foreign Residents Support Center
(Tokyo Immigration)
Tel: 03-5363-3025 (untuk menempah)
(Hari biasa 9.00 - 17.00)



Borang tempahan https://www.moj.go.jp/isa/support/fresc/fresc_2.1.html
Alamat : 13F Yotsuya Tower, 1-6-1 Yotsuya, Shinjuku Japan

◆ Rundingan tentang kehidupan harian

Perundingan Orang Asing di Tokyo

Bahasa perundingan	Hari rundingan	Telefon
Inggeris	Isnin hingga Jumaat	03-5320-7744
Cina	Selasa dan Jumaat	03-5320-7766
Korea	Rabu	03-5320-7700



Masa Rundingan 9:30 - 12:00 13:00 - 17:00

Panduan Bagi Penduduk Warga Asing



Panduan ini diterjemah ke dalam pelbagai bahasa.
Anda boleh muat turun secara percuma di laman web
Metropolitan Tokyo.

Panduan Bagi Penduduk Warga Asing

Cari



Dikeluarkan oleh: Biro Kehidupan, Budaya dan Sukan,
Pejabat Promosi Keselamatan Awam Bahagian Langkah-langkah Keselamatan,
Metropolitan Tokyo
2-8-1- Nishi-Shinjuku-ku, Shinjuku-ku, Tokyo 163-8001
☎ 03-5388-2279

2024年3月発行

印刷物登録番号



マレー語版

(5) 82